

DiGi perintis penghubung nilai warisan

Oleh MOHAMMAD ARIF NIZAM ABDULLAH

APABILA menyebut nama syarikat telekomunikasi, sering bermain di minda masyarakat bahawa peranannya tidak lain hanya sebagai alat perhubungan melalui telefon bimbit.

Namun, DiGi Telecommunication Sdn. Bhd. (DiGi) yang merupakan operator telekomunikasi mudah alih terunggul negara tidak mengira keuntungan semata-mata apabila turut mengadakan beberapa program sosial bagi penduduk di negara ini.

Menghargai keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan budaya pelbagai kaum, DiGi kini muncul dengan kelainan menerusi cara penghubung sejak DiGi Amazing Malaysian dilancarkan pada 2005.

Program DiGi itu merangkumi budaya, seni, sosial dan bangunan sejarah sebagai aset negara yang perlu dilindungi. Matlamat program berkenaan untuk memulihara warisan dan budaya negara dan bertujuan memberikan inspirasi kepada para remaja dan kanak-kanak memahami serta menghargai warisan seni budaya.

Melibatkan projek individu-individu tertentu, DiGi berharap dapat menyumbangkan teknologi mereka secara bermanfaat dalam usaha menghargai kehidupan pada masa lampau dan hari ini.

Melalui program DiGi Amazing Malaysians itu, golongan remaja yang terlibat diberi peluang menjayakan pelbagai projek dan secara tidak langsung mereka dapat meningkatkan nilai pengetahuan tentang warisan negara.

Setiap projek berkenaan melibatkan tiga fasa iaitu penerokaan, pelaksanaan dan persembahan. Sepanjang fasa penerokaan, para peserta perlu menyedari kepentingan projek itu manakala fasa pelaksanaan pula melibatkan program yang telah ditetapkan sebelum fasa terakhir membawa kepada persembahan di hadapan orang kenamaan.

Melalui program DiGi, golongan remaja telah mendekati tempat warisan negara contohnya, di Lunas, Kedah.

Seramai 80 pelajar sekolah rendah dan menengah menemuramah penduduk setempat terutamanya generasi lama untuk mengetahui sejarah kewujudan Lunas.

Ini kerana Lunas memiliki sejarahnya yang tersendiri apabila memainkan

Melalui program DiGi Amazing Malaysian itu, golongan remaja yang terlibat diberi peluang menjayakan pelbagai projek dan secara tidak langsung mereka dapat meningkatkan nilai pengetahuan tentang warisan negara

peranan penting dalam pembangunan pertanian tanah air.

Para peserta itu turut didedahkan dengan tentang fakta sejarah Lunas yang terbina hasil industri getah. Selain itu, mereka juga memperoleh maklumat lain tentang peranan penting masyarakat Cina dari Pulau Pinang yang berhijrah ke Lunas.

Ternyata projek yang dikenali sebagai Sejarah Seni di Kedah itu berjaya menghubungkan peserta kepada warisan negara. Di Perlis pula, DiGi Amazing Malaysian memilih individu bernama Romli Mahmud yang lebih terkenal sebagai watak Penglipur Lara. Penceritaan Romli itu berkisar bekas loyang yang merupakan alat tradisional yang menghiasi naratif seninya.

Namun projek DiGi itu bukan sekadar menfokuskan tentang nilai warisan dan bahan sejarah, malah merangkumi kehidupan alam sekitar. Ini penting bagi remaja menghargai kepentingan habitat alam semula yang melindungi kepelbagaian kehidupan, sistem ekologi dan cara hidup masyarakat yang mempunyai hubungan rapat dengan

tanah.

Bertempat di Tasik Chini, Pahang seramai 70 pelajar sekolah menengah dibawa melihat kehidupan masyarakat Jakun.

Pejuang tasik tersebut, mendiang Bishan Singh memberi maklumat bagaimana mengekalkan keaslian ekosistem tasik sebagai menghargai hubungan masyarakat Jakun dengan alam sekitar yang terjalin beratus tahun dahulu.

Bagaimanapun, projek-projek DiGi yang menekankan tentang warisan dan pemuliharaan alam sekitar, dokumentasinya masih membuka peluang kepada penggunaan pelbagai bentuk teknologi.

Paling dekat, sejarah senibina di Terengganu menggunakan kamera video untuk menyokong pembaikan pulih sebuah rumah lama. Di Tasik Chini pula, para peserta mengambil gambar tasik dan kehidupan masyarakat Jakun yang dipamerkan di Pusat Selamatkan Tasik Chini yang dibina oleh DiGi di sekitar tasik itu.

Sementara di Pulau Pinang, para

peserta diberikan telefon untuk membantu mereka berkomunikasi antara satu sama lain ketika menjalankan tugas.

Mesej kuat yang dingin disampaikan melalui program DiGi Amazing Malaysian ini ialah perhubungan simbiotik yang perlu wujud antara warisan dan teknologi sebagai alat pemuliharaan.

Malah, hubungan itu wajar diperkukuhkan dan ia diakui oleh Ketua Pegawai Eksekutif DiGi, Morten Lundal.

"DiGi Amazing Malaysian jelas memperkatakan tentang kesedaran yang bermakna melalui teknologi yang semakin maju," katanya.

Apa pun, DiGi Amazing Malaysian membuka laluan kepada syarikat telekomunikasi terkemuka itu membawa dimensi baru perhubungan menerusi masa kini dan lampau.

Ternyata program itu mendekati remaja dan kanak-kanak dengan nilai warisan selain menghubungkan seluruh masyarakat pelbagai etnik, geografi dan sosial.



MORTEN LUNDAL



IBU Pejabat DiGi Telecommunication Sdn. Bhd di Shah Alam